



## Hubungan Malaysia-Arab Saudi kukuh

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Julai 13, 2023 @ 10:11am  
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Menteri Luar, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir semalam mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatan dari Arab Saudi, Putera Faisal bin Farhan, bagi memperkuat kerjasama strategik antara Malaysia, ASEAN serta Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

Dalam satu kenyataan, beliau menjelaskan, dalam pertemuan itu, kedua-dua pihak turut membincangkan mengenai Sidang Kemuncak ASEAN – GCC yang dijadual diadakan pada Oktober 2023 di Riyadh, Arab Saudi.

"Pada tahun ini, beberapa peringkat pertemuan di antara ASEAN dan GCC juga akan diadakan. Ini termasuk Mesyuarat Peringkat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN – GCC di sela-sela Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke-78 pada September 2023," katanya.

Dalam pertemuan sama, beliau juga menyampaikan penghargaan bagi pihak kerajaan Malaysia kepada kerajaan Arab Saudi atas keprihatinan Arab Saudi yang memberi kuota tambahan haji kepada Malaysia.

"Pada masa sama, penghargaan juga diberikan kepada Arab Saudi atas layanan yang terbaik diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong ketika mana baginda dan Permaisuri Agong bersama Tuanku Pemangku Sultan Pahang mengerjakan ibadah haji baru-baru ini," katanya.

Zambry juga menyampaikan penghargaan dan tanda terima kasih atas bantuan dan pertolongan yang diberikan Kerajaan Arab Saudi ketika misi mengeluarkan rakyat Malaysia dari krisis yang berlaku di Sudan.

"Pada pertemuan ini juga, Putera Faisal sudah berinteraksi secara langsung melalui talian telefon dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim).

"Ini sekaligus menunjukkan komitmen dan hubungan yang rapat antara Malaysia dan Arab Saudi serta menangkis segala tohmannan kepada hubungan kedua-dua negara ini," katanya.

Zambry ketika ini mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN ke-56 (AMM ke-56) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, sejak Selasa lalu hingga esok.

Beliau menyertai Pasca Persidangan Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN +1 (PMC+1) bersama setiap satu daripada 11 negara rakan dialog ASEAN.

Rakan-rakan dialog ASEAN yang terbabit itu adalah Amerika Syarikat, Australia, China, India, Jepun, Kanada, Kesatuan Eropah, New Zealand, Korea Selatan, Russia dan United Kingdom.